

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHE ALIAS BIN HAMID [ KEMAMAN ]**

**TARIKH : 18 NOVEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan jangkaan pembentangan kajian keberkesanan '*Single-Gate-Keeper*' dalam pengimportan beras oleh pihak Kementerian.

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Kementerian Pertanian dan Industri Makanan bersama Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE,JPM) sedang melaksanakan kajian bertajuk "*Towards A New Approach For Malaysia's Paddy And Rice Policy*" yang dijalankan oleh Bank Dunia (*The World Bank*).

2. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji keseluruhan model sedia ada industri padi dan beras negara termasuk :

- i. Keberkesanan model '*Single-Gate-Keeper*' dalam pengurusan pengimportan beras dan pelaksanaan obligasi sosial serta impak kepada pemain pemain industri termasuk petani, pengilang, pemborong, peruncit dan pengguna; dan
- ii. Keberkesanan pelaksanaan program subsidi serta insentif Kerajaan dalam industri padi dan beras negara.

3. Kajian dijangka dapat dibentangkan kepada Kerajaan pada bulan Disember 2020. Berpandukan kepada dapatan daripada kajian ini, Kementerian akan menimbang segala pendekatan baharu dan perancangan alternatif lain dalam mengurus industri padi dan beras negara yang berkesan dalam jangka panjang termasuk menambahbaik program-program sedia ada bagi memastikan pengurusan industri yang lebih efisien dan berdaya saing serta memastikan bekalan beras negara sentiasa terjamin.

Sekian, terima kasih.